

Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Mata Pelajaran	BAHASA MELAYU KOMUNIKASI	Sasaran	2 PKKS DEDIKASI 2 PKKS INOVASI
Tarikh	21 Jun 2021	Masa	8.00 – 9.00 pagi
Tajuk	Tema 5 : SungaiKu Indah Dan Bersih Unit 13 : IndahNya Sungai Kita		
Standard Pembelajaran	2.1.1 Membaca dan memahami makna (i) perkataan (ii) rangkai kata (iii) istilah 2.1.2 Membaca dengan betul. 2.2.1 Membaca bahan cerita dengan sebutan yang betul. 3.2.2 Melengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan, frasa atau rangkai kata yang sesuai di dalam borang laporan tugas harian		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Membaca petikan 2. Menyatakan cara menjaga keindahan sungai 3. Memahami Empangan Hidroelektrik 4. Menyenaraikan 4 frasa kerja		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman 1. https://drive.google.com/file/d/1joj0aznfV2PvBSe_6HQEgvr4KFj5jQZn/view?usp=drivesdk 2. Membaca petikan yang disediakan 3. Menyatakan cara menjaga keindahan sungai 4. Memahami Empangan Hidroelektrik 5. Menyenaraikan 4 frasa kerja 6. Murid-murid diminta untuk menjawab latihan interaktif di Liveworksheet .		
Latihan	1. Sila jawab soalan interatif yang diberikan 2. Screenshoot jawapan yang telah siap kepada guru (jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan		

TEMA 4 : SUNGAIKU INDAH DAN BERSIH

UNIT 13 : INDAHNYA SUNGAI KITA

UNIT 13 INDAHNYA SUNGAI KITA

Mendengar dan Bertutur

Nyatakan maklumat yang diperolehi dengan intonasi yang sesuai.

5 Sepetang di Tepi Sungai

Fatin, Izalia dan Hana bersiar-siar di tepi sungai sambil menikmati keindahan pemandangan di sekitarnya.

Eh, lihat di sana, Hana! Pelancong asing sedang bergambar di dataran tebing sungai itu.

Ya, Izalia. Ada bot pelancong di hujung sana.

Kita amat bertuah kerana mempunyai sungai yang cantik dan bersih. Orang ramai akan berasa seronok datang ke sini bersama-sama keluarga mereka.

LATIHAN 1

Jawab soalan-soalan di bawah. Nyatakan BETUL atau SALAH

1.	Manusia memerlukan air untuk menjalani kehidupan yang lebih selesa. Salah satu kegunaan yang penting ialah untuk minum	
2.	Tumbuh-tumbuhan dan haiwan memerlukan air untuk hidup. Tumbuhan memerlukan air untuk proses fotosentesis dan tumbesaran	
3.	Sungai membekalkan air untuk kegunaan pertanian	
4.	Sungai digunakan sebagai alat perhubungan	
5.	Sungai membekalkan tempat dan aktiviti riadah	
6.	Malaysia amat bertuah kerana dianugerahkan banyak sungai.	



Membaca

Baca maklumat di bawah. Kemudian, bincangkan maklumat tersebut dengan rakan anda.

Empangan Hidroelektrik

Kelab Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Empangan Hidroelektrik Kenyir di Terengganu. Fatin mula mencari maklumat di pusat sumber tentang tenaga elektrik yang terhasil daripada sumber air.

Tahukah anda, air sungai boleh menghasilkan tenaga elektrik? Ya, air yang dikumpulkan dalam satu takungan yang besar boleh menjanakan bekalan elektrik. Disebabkan sumber kuasa hidroelektrik ialah air, stesen jana kuasa hidroelektrik mesti berada dekat dengan sumber air, seperti sungai dan tasik.



Empangan Kenyir atau Stesen Kuasa Sultan Mahmud adalah sebuah empangan hidroelektrik utama di Malaysia. Terletak di Negeri Terengganu, ia dibina merentasi Sungai Terengganu lebih kurang 50 km ke barat laut Kuala Terengganu. Binaan ini menghasilkan sebuah tasik yang besar dikenali Tasik Kenyir. Stesen janakuasa ini adalah stesen hidroelektrik, dengan 4 turbin dengan keupayaan 100 MW sebuah, berjumlah 400 MW. Stesen ini dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad. Keupayaan terjamin adalah 165 MW dan janaan tenaga tahunan adalah 1,600 GWh. Empangan Kenyir adalah empangan terbesar di Semenanjung Malaysia kini. Tasik Kenyir adalah tasik paling luas dengan isipadu terbesar di Semenanjung Malaysia.

LATIHAN 2

Berdasarkan petikan di atas jawab soalan-soalan di bawah

1. Mengapakah pusat kuasa hidroelektrik perlu berhampiran dengan sumber air?

2. Empangan Kenyir terletak di mana?

3. Nama lain bagi Empangan Kenyir

4. Empangan Kenyir adalah empangan terbesar di _____ kini.
Tasik Kenyir adalah tasik _____ dengan isipadu terbesar di

TATABAHASA

FRASA KERJA

Ø Frasa kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan kata intinya ialah kata kerja.

Ø Kata kerja tersebut boleh terdiri daripada kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif.

Ø Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mesti diikuti oleh objek serta unsur lain manakala kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang boleh hadir bersendirian atau diikuti oleh satu atau sederetan perkataan.

Ø Contoh frasa kerja:

Subjek	Frasa kerja
Adik	sedang tidur.
Hang Jebat	bertikam dengan Hang Tuah.
Pemburu	menembak harimau itu dengan senapangnya.
Kami	sedang makan ayam goreng.

LATIHAN 3

Tulis semula frasa kerja bagi gambar di bawah dalam kotak yang disediakan

Fungsi Sungai



Mereka mengambil gambar sambil bersiar-siar di tepi sungai.



Pak Saad memancing ikan di kuala sungai bersama-sama anaknya.



Hana sekeluarga berkelah di tepi sungai.



Pak Abu mengambil air sungai untuk dijadikan air basuhan.

5

Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi.

Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya....**TANIAH**



PDPR
14.6.2021 –
16.7.2021

Adab-Adab semasa PDPR

- ✓ Buat persediaan
- ✓ Baca doa belajar
- ✓ Beri tumpuan
- ✓ Memberi respon
- ✓ Berterima kasih

The poster features a cartoon boy at a laptop on the left and a cartoon girl at a laptop on the bottom left. On the right, there are illustrations of books and a potted plant. The background is colorful with a rainbow border.